



## **BANTUAN KHAS SEBANYAK RM500 KEPADA PENIAGA BAZAR RAMADAN TAHUN 2021 DI NEGERI SELANGOR DALAM KAWASAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

---

### **1. Pendahuluan**

- a) YAB. Dato' Menteri Besar Selangor pada 5 Mei 2021 telah mengumumkan bantuan khas RM500 kepada peniaga Bazar Ramadan tahun 2021 di enam (6) daerah Negeri Selangor yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Kuala Langat dan Sepang.

### **2. Kelayakan Pemohon**

- a) Peniaga Bazar Ramadan yang berlesen/ berdaftar sama ada di bawah Majlis atau di bawah Penganjur (berdaftar dengan Majlis) sahaja yang layak menerima bantuan (rujuk soalan-soalan lazim).
- b) Sembilan (9) kawasan Majlis/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat bagi bantuan ini adalah Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Kuala Langat.
- c) Setiap peniaga hanya layak menerima sekali sahaja bantuan walaupun mempunyai lebih dari satu (1) petak bazar atau lesen/ permit dari Majlis yang sama atau berbeza.

### **3. Cara Memohon**

- a) Pemohon perlu melayari laman web [www.selangorprihatin.com](http://www.selangorprihatin.com) dan menyemak kelayakan menggunakan nombor Kad Pengenalan masing-masing sebelum menghantar permohonan. Sistem akan menolak secara automatik mana-mana nombor Kad Pengenalan yang telah digunakan sebagai permohonan lengkap.
- b) Pemohon yang layak hendaklah mengisi maklumat peribadi termasuk nombor akaun bank yang masih aktif bagi tujuan penyaluran bantuan.
- c) Maklumat pemohon (pemilik lesen/ permit) dan maklumat akaun bank hendaklah individu sama bagi memastikan bantuan disalurkan terus serta mengelakkan masalah teknikal.
- d) Sekiranya pemohon mempunyai masalah akaun bank seperti muflis, tidak aktif dan sebagainya, penyaluran bantuan akan dikendalikan secara berasingan (rujuk soalan-soalan lazim).

#### 4. Perakuan Pemohon

- a) Pemohon hendaklah memastikan segala maklumat yang dikemukakan adalah benar, sah dan tepat mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

#### 5. Tempoh Permohonan/ Penyaluran Bantuan

- a) Permohonan boleh dilaksanakan bermula 21 Mei 2021 **sehingga 31 Julai 2021**.
- b) Penyaluran bantuan RM500 akan dilaksanakan terus ke akaun bank pemohon dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan sekiranya maklumat lengkap.

#### 6. Pertanyaan

<b>Berkaitan Sistem Permohonan / Akaun Bank / Bayaran</b>  24 jam	:	SEL CARE Hotline: 1-800-22-6600  Emel: penjaja@selangor.gov.my		
<b>Berkaitan Lesen/ Permit Bazar Ramadan 2021</b>  Rujuk Majlis di kawasan masing-masing  9.00 Pagi – 4.00 Petang (tidak termasuk cuti umum, Sabtu & Ahad)	:	MB Shah Alam Seksyen Penjaja 03-55105133 sambungan 1699 / 1700 / 1762	MB Petaling Jaya Bahagian Penjaja 03-79604467 sambungan 117 / 119 / 148	MB Subang Jaya Unit Penjaja 03-80264324
		MP Klang Jabatan Penjaja 03-33758019	MP Ampang Jaya Jabatan Pelesenan 03-42857344 / 7324	MP Selayang Jabatan Pelesenan 03-61265937 / 5943
		MP Sepang Jabatan Pelesenan 03-83190256	MP Kajang Jabatan Pelesenan 03-87377899 sambungan 2620 / 2511 / 2504	MP Kuala Langat Jabatan Pelesenan 03-31872825 sambungan 117

Disediakan oleh:

Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan  
Unit Perancang Ekonomi Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

## SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **Soalan:** Saya merupakan peniaga Bazar Ramadan tahun 2021 di Negeri Selangor di bawah Penganjur. Namun Penganjur tersebut tidak berdaftar dengan Majlis, adakah saya layak?

**Jawapan:** Tidak layak. Hanya peniaga di bawah Penganjur berdaftar dengan Majlis sahaja layak.

2. **Soalan:** Saya merupakan peniaga/ penjaja yang berlesen dalam bulan Ramadan tahun 2021 di Negeri Selangor namun bukan di lokasi Bazar Ramadan yang ditetapkan oleh Majlis, adakah saya layak?

**Jawapan:** Tidak layak. Hanya peniaga di lokasi Bazar Ramadan yang ditetapkan Majlis sahaja layak.

3. **Soalan:** Saya merupakan peniaga Bazar Aidilfitri (Ekspo Raya) tahun 2021 di Negeri Selangor yang berlesen/ berdaftar dalam kawasan PKP, adakah saya layak?

**Jawapan:** Tidak layak. Hanya peniaga Bazar Ramadan tahun 2021 sahaja layak.

4. **Soalan:** Saya merupakan peniaga Bazar Ramadan tahun 2021 di Negeri Selangor yang berlesen/ berdaftar, namun apabila saya mengisi nombor Kad Pengenalan, maklumat di laman web menunjukkan nombor Kad Pengenalan saya tidak wujud. Apa perlu saya lakukan?

**Jawapan:** Di sini ada beberapa kemungkinan iaitu:

- a) Nombor Kad Pengenalan yang didaftarkan di Majlis untuk kelulusan lesen/ permit adalah berbeza dengan nombor Kad Pengenalan sebenar pemohon; ATAU
- b) Pemohon bukan merupakan peniaga Bazar Ramadan di enam (6) daerah dalam kawasan PKP.

Untuk kepastian, sila rujuk dengan Majlis yang meluluskan lesen/ permit.

5. **Soalan:** Saya tiada akaun bank yang aktif. Boleh kah saya mengisi nombor akaun bank orang lain?

**Jawapan:** Pemohon yang mempunyai masalah akaun bank akan diuruskan secara berasingan. Sila emel ke [penjaja@selangor.gov.my](mailto:penjaja@selangor.gov.my) dan sertakan maklumat dan dokumen berikut:

### Nyatakan Maklumat

- a) Nama penuh pemohon, nombor Kad Pengenalan, alamat surat menyurat, nombor HP dan emel.
- b) Hubungan dengan pemilik akaun bank yang ingin digunakan (ahli keluarga).
- c) Nama penuh pemilik akaun bank, nombor Kad Pengenalan dan maklumat akaun bank.

### Lampirkan Dokumen

- a) Salinan/ *screenshot* Kad Pengenalan pemohon (pemilik lesen/ permit).
- b) Salinan/ *screenshot* penyata akaun bank yang ingin digunakan (ahli keluarga).
- c) Salinan/ *screenshot* Kad Pengenalan pemilik akaun bank yang ingin digunakan.

6. **Soalan:** Saya telah mengisi borang dengan lengkap dalam tempoh ditetapkan, namun bantuan RM500 belum diperolehi selepas 14 hari bekerja. Apa perlu saya lakukan?

**Jawapan:** Berkemungkinan maklumat akaun bank pemohon berbeza ATAU tidak tepat menyebabkan bantuan tidak dapat disalurkan. Untuk maklumat lanjut, pemohon boleh hubungi SELCARE Hotline di talian 1-800-22-6600 (24 jam) bagi mendapatkan pengesahan bayaran bantuan.